

# Abdullah dahului senarai 273 penerima darjah kebesaran Kedah

BH- 22/1/2006.

Oleh Munaarfah Abu Bakar

**A**LOR STAR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendahului senarai 273 penerima darjah serta bintang kebesaran sempena keputeraan Sultan Kedah ke-78 hari ini.

Abdullah diberi penghormatan sebagai orang ketiga yang masih hidup, menerima darjah kebesaran tertua dan paling tinggi iaitu Darjah Utama Kedah (DUK) yang mula dianugerahkan sejak sebelum merdeka.

Dua penerima darjah DUK yang lain adalah, Tuanku Sultan Kedah sendiri serta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Mahdzir Khalid serta isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor turut mengetuai senarai 67 penerima anugerah bintang yang membawa gelaran Datuk.



**ABDULLAH: Terima DUK**

Mahdzir dan Rosmah dianugerahkan darjah Seri Setia Di Raja Kedah (SSDK) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Seramai lima orang menerima anugerah Darjah Datuk Paduka Seri



**MAHDZIR: Terima SSDK**

Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Mereka adalah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kedah, Datuk Ahmad Bas-



**KAMARULZAMAN: Terima DSDK**

hah Md Hanipah; Panglima Tentera Darat, Datuk Seri Abdul Aziz Zainal; Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib; Panglima Tentera Laut, Datuk Ilyas Din dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral

Datuk Azizan Ariffin.

Lima lagi dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (DGMK) yang membawa gelaran Datuk Wira.

Mereka adalah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Paduka Azalina Othman Said; Pegawai Kewangan Kedah, Datuk Ismail Hamid; Datuk Bandar Alor Star, Datuk Yusof Nayan; Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jeneral Datuk Muhammad Ismail Jamaluddin serta Pengarah Urusan Westar Holdings Sdn Bhd, Datuk Seri Syed Azman Syed Ibrahim.

Tiga orang menerima darjah kebesaran Datuk Paduka Mahkota Kedah (DPMK) yang membawa gelaran Datuk iaitu Hakim Mahkamah Tinggi Alor Star, Datuk Zainal Adzam Abdul Ghani; Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Datuk Wan Adnan Muhamad dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Seramai 51 orang menerima anu-

gerah darjah kebesaran Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerima darjah kebesaran itu adalah Tunku Mahmud Tunku Yahya; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Mohamad Zabidin Mohd Diah; Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, ICT dan Multimedia Kedah, Datuk Azimi Daim; Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya dan Pengangkutan Kedah, Nawawi Ahmad; Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Jamil Idross; Duta Besar Malaysia ke Qatar, Ku Jaafar Ku Shaari; Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Johari Baharom; Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim; Pegawai Daerah Kota Star, Hashim Ismail; Timbalan Pengarah Institut Agama Islam Kedah, Bashiruddin Abdul Jamil; Ketua Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah, Syekh Uzir Baharom; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Mangsor Saad; Ketua Setiausaha Sulit, Pejabat Perdana Menteri, Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab; Ahli Parlimen Padang Serai, Lim Bee Kau; Ketua Pengarah Mida, Datuk R Karunakaran @ Karownakaran; Ketua Pengarah Labuan Offshore Financial Services Authority, Azizan Abdul Rah-

Selain itu, turut menerima anugerah yang sama adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Azmi Ali; Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Abd Rahim Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Dr Abdul Kadir Taib; Pendaftar Universiti Utara Malaysia, Latifah Hassan; Rektor Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia, Prof Datuk Mohd Shukri Ab Yajid; Ketua Jabatan Geografi Universiti Malaya dan Koordinator Kebangsaan Program Penyelidikan Antartika Malaysia, Prof Dr Azizan Abu Samah; Pensyarah Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Sudin Haron; Pensyarah Kampus Klinikal Hospital Kuala Lumpur, Prof Madya Dr K Silvakumar; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Wan Mohamad Datuk Sheikh Abdul Aziz; Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Imran Idris; Pengarah Pusat Darah Negara, Dr Yasmin Ayob; Panglima 6 Briged, Brig Jeneral Al Latif Mohd Noor; Asisten Ketua Staf, Cawangan Oplat, Markas Tentera Darat, Brig Jeneral Adnan Said.

Timbalan Panglima Markas Logistik, Brig Jeneral Nordin Rahok; Pengarah Infantri, Brig Jeneral Kamaruzaman Datuk Maulud; Timbalan Panglima IADS, Brig Jeneral Tunku Izham Tunku Jusoh; Pengarah Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, Sistem Televisyen Malaysia Berhad, Datuk Kamaruzaman Zainal.